

SOALAN NO: 403

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [ Tasek  
Gelugor ]**  
**TARIKH : -**  
**SOALAN : 403**

**Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah terdapat sebarang cadangan untuk membina sebuah klinik kesihatan di kawasan Teluk Air Tawar dan sekiranya terdapat cadangan untuk membina sebuah klinik di kawasan Parlimen ini, apakah jenis atau kelas klinik tersebut serta bilakah jangkaan tarikh ianya akan mula dibina.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, cadangan pembinaan sebuah klinik kesihatan jenis 3 untuk Teluk Air Tawar telah pun dikemukakan dalam permohonan *Rolling Plan* (dengan izin) ke-3 (2017) namun belum diluluskan. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyenaraikan semula permohonan ini dalam *Rolling Plan* (dengan izin) ke-4 (2018).

6

Pada masa ini, bagi memenuhi keperluan rawatan penduduk setempat, KKM telah menyediakan 3 fasiliti kesihatan berhampiran dengan kawasan tersebut seperti KK Penaga yang jaraknya hanya 4 km, KK Kepala Batas dan juga Hospital Kepala Batas yang berada dalam lingkungan kurang daripada 10 km daripada kawasan Teluk Air Tawar.